

BAB VII

CATATAN PENUTUP: LITERASI POLITIK DAN KERENCAMAN SOSIAL

Analisis dan penemuan kajian yang dibincangkan dalam bab VI menunjukkan bahawa bukan semua kelompok pengundi mengubah corak mengundi mereka semasa PRU 2008. Hanya kelompok PAB dan TMP yang melakukan peralihan corak pengundian. Perkara ini berlaku kerana pengundi yang berbeza mempunyai asas atau penentu undi yang berbeza.

Sepanjang kajian ini, pengundi Melayu diandaikan bukan '*homogenous*' berikutan corak mobilisasi literasi politik yang berbeza. Untuk suatu jangka masa yang lama dalam masyarakat pelbagai etnik di Malaysia, pengundi digerakkan oleh institusi seperti parti politik, PRU, NGO, media dan sebagainya. Ini membolehkan masyarakat memahami fungsi institusi dan menerima baik tentang peranan institusi-institusi tersebut. Dengan itu, perbincangan mengenai idea seperti demokrasi, pengalihan kuasa, keadilan sosial dan toleransi tidak difahami dengan meluas. Masyarakat yang sedemikian tidak banyak melakukan perubahan politik dan parti-parti utama seperti komponen BN adalah stabil dan tidak tergugat.

Namun begitu, proses modenisasi, industrialisasi dan urbanisasi yang melanda negara semenjak empat dekad yang lalu, disamping pergolakan politik, kewujudan kelas menengah generasi kedua dan kemunculan media sosial menyebabkan berlaku kerenggangan politik di kalangan semua kumpulan pengundi termasuk pengundi Melayu seperti ditunjukkan oleh keputusan PRU 2008. Perkara ini menimbulkan persoalan apakah yang dapat menjelaskan proses kerenggangan tersebut? Kajian ini

menunjukkan dasar-dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan, proses modenisasi, industrialisasi dan kemunculan sosial media membolehkan mobilisasi yang berdasarkan kepada idea yang mengutamakan nilai-nilai demokrasi, keterbukaan, hak asasi, pengagihan kuasa dan sebagainya bertemu dengan dimensi institusi yang telah berlaku dalam masyarakat semenjak PRU diperkenalkan oleh penjajah British.

Pertemuan antara dua dimensi literasi politik ini, iaitu institusi dan idea politik melahirkan empat kumpulan pengundi yang dicorakkan oleh tinggi atau rendah tahap literasi politik dan kuat atau lemah identifikasi parti. Antara kategori pengundi yang terhasil daripada corak mobilisasi tersebut ialah seperti berikut:

- a) Kelompok PAB – dicirikan oleh minat yang tinggi terhadap politik tetapi tidak menyokong atau simpati terhadap sebarang parti politik,
- b) Kelompok TMP – dicirikan oleh minat terhadap politik yang rendah dan tidak menyokong atau bersimpati terhadap mana-mana parti politik,
- c) Kelompok PPB - dicirikan oleh minat yang tinggi terhadap politik dan menyokong atau bersimpati terhadap parti politik tertentu, dan
- d) Kelompok PSP - dicirikan oleh minat yang rendah terhadap politik tetapi menjadi menyokong parti politik tertentu.

Kelompok PAB merupakan kumpulan pengundi yang memiliki pengetahuan dan kemahiran mengumpul maklumat politik tanpa bergantung kepada parti (bebas parti) dan membuat keputusan mengundi berdasarkan matlamat politik dan isu-isu spesifik. Kemahiran mengumpul maklumat dan populariti penggunaan media sosial seperti blog, 'facebook', twitter dan sebagainya di kalangan kumpulan ini menjadikan mereka peka dengan isu-isu utama yang berlaku dalam arena politik. Hal ini juga menjadikan mereka

susah untuk tunduk kepada ‘demand for conformity’ yang menjadi sinonim dengan BN yang mengawal media arus perdana seperti televisyen dan surat akhbar cetak.

Kelompok PAB ini membuat keputusan parti mana yang akan mengundi pada penghujung tempoh berkempen dan merupakan kumpulan yang berpotensi mengalihkan sokongan mereka kepada sesebuah parti. Ini kerana dengan kemahiran yang ada (sebahagian besar terdiri daripada kelas menengah), mereka merupakan antara kumpulan yang boleh menilai prestasi ekonomi, prestasi kualiti hidup, urus tadbir dan kepimpinan parti setiap peringkat tanpa ‘bias partisan’. Penemuan kajian ini menunjukkan, dimensi kualiti dan tadbir urus menjadi penentu utama kepada proses pembuatan keputusan mengundi.

Walaupun mendokong nilai-nilai demokrasi dan liberalisasi, sebahagian besar daripada kumpulan ini masih mempunyai sentimen atau semangat Melayu dan menyokong polisi yang berbentuk bertujuan menjaga kepentingan Melayu. Kebanyakan anggota kumpulan ini tidak dapat menerima konsep Islam yang di bawa oleh PAS dan ‘parti kampung’ seperti UMNO. PKR memenuhi aspirasi golongan ini yang umumnya mencerminkan sikap kesederhanaan, multi etnik dan ‘urban based’. Oleh kerana sentimen Melayu dan Islam, sebahagian besar golongan ini tidak dapat menerima parti DAP yang dilihat dikuasai oleh masyarakat Cina.

Tahap literasi politik yang tinggi di kalangan kelompok PAB dapat dilihat menerusi keanggotaan dan kepimpinan kesatuan penduduk di kawasan-kawasan perumahan yang terdapat ramai penghuni Melayu. NGO yang dibentuk secara ‘*ad hoc*’ untuk menyelesaikan isu tertentu misalnya projek perumahan terbengkalai dan

sebagainya. Keupayaan mewujudkan kelompok-kelompok atau '*blocs of interest*' merentasi sempadan kelas merupakan refleksi kepada tahap literasi politik yang tinggi.

PAB boleh dilihat daripada generasi kelas menengah dan sesetengah kelas pekerja Melayu yang lahir dan dibesarkan di bandar. Kebanyakan daripada mereka mendapat didikan daripada sekolah-sekolah berasrama penuh dan terpisah daripada sosialisasi daripada ibu bapa. Kefahaman dan idea terhadap politik banyak dicorakkan oleh pergaulan sesama rakan sebaya dan media sosial. Nilai-nilai tradisional seperti masyarakat Melayu seperti mengenang jasa bakti tidak lagi penting sebaliknya digantikan dengan nilai profesionalisme, transparan dan akauntabiliti. Kumpulan masyarakat Melayu ini terputus hubungan dengan UMNO dan melihat UMNO tebal dengan nilai-nilai masyarakat Melayu lama yang mementingkan hirarki dan feudalisme.

Penemuan dalam kajian ini menyokong andaian-andaian yang terdapat dalam model literasi politik. Pengundi Melayu di kawasan bandar termasuk dalam kategori PAB yang boleh menilai isu secara rasional menjadi semakin bertambah, khususnya bagi kumpulan umur melebihi 40 tahun dan ke atas. Corak pengundian kumpulan ini kelihatan akan kekal sedemikian memandangkan masalah yang menjadi keprihatinan mereka agak sukar untuk diselesaikan dalam jangka masa yang pendek, iaitu masalah yang berkait dengan kualiti hidup di kawasan bandar. Proses persempadanan semula ternyata bukan langkah terbaik untuk memenangi sokongan kumpulan pengundi seperti PAB. PAB boleh disifatkan sebagai kumpulan pengundi yang mengalami '*ideational shift*' dan kritikal terhadap polisi yang dilaksanakan oleh BN selaku penyandang kuasa pada peringkat pusat.

Pengundi yang berada dalam kategori TMP pula merupakan kumpulan pengundi yang paling ramai terdapat dalam mana-mana masyarakat bandar. Kesibukan bekerja, kos yang tinggi dalam mengumpul maklumat dan kesukaran memahami kompleksiti dunia politik merupakan antara sebab kumpulan ini tidak meminati politik dan tidak menyokong mana-mana parti politik. Kumpulan ini terdapat dalam segenap struktur sosial masyarakat dan paling ketara ialah di kalangan kumpulan kelas menengah atasan dan kelas pekerja.

Persamaan utama antara kategori TMP dan PAB ialah kedua-duanya tidak terikat dengan kesetiaan terhadap parti. Apa yang membezakan antara kategori TMP dan PAB ialah TMP hanya sensitif terhadap imej kepimpinan parti. Ini adalah kerana pemimpin parti merupakan objek politik yang senang dilihat dan paling mudah untuk dijadikan ukuran berkesan atau gagal sesebuah parti apabila mendapat kuasa. Isu-isu utama politik misalnya seperti nasionalisme, idea demokrasi, toleransi dan akauntabiliti sukar untuk difahami oleh golongan ini. Memandangkan kategori pengundi TMP ini dilihat sebagai pengundi atas pagar, maka mereka menjadi sasaran utama kempen parti-parti politik semasa PRU.

TMP lazimnya tidak mempunyai sentimen terhadap etnik dan elemen ini tidak mempengaruhi keputusan pengundian mereka. Ringkasnya, corak pengundian kumpulan ini adalah tidak stabil dan berpotensi menimbulkan perubahan politik bergantung kepada kumpulan yang berupaya untuk memobilisasi mereka.

Sementara itu kategori PPB terbahagi kepada kelas menengah dan kelas pekerja. Mereka mempunyai kemahiran tinggi dalam mengumpul maklumat dan tidak hanya bergantung kepada maklumat parti semata-mata. Namun begitu, parti masih penting

kepada kumpulan ini untuk mencapai matlamat politik. Biasanya kelompok ini datang daripada keluarga yang mempunyai latar belakang politik atau individu itu sendiri pernah mendapat faedah atau tertarik dengan ideologi, polisi atau program yang dianjurkan oleh parti-parti politik. Kebiasaanya kecenderungan politik kelompok ini sukar untuk ditentukan menerusi pemerhatian luaran. Sebagai contoh, jika terlihat anak muda berlatarbelakangkan profesional, memakai kopiah dan selalu hadir berjemaah di surau atas masjid, biasanya orang ramai bertanggapan bahawa individu berkenaan simpati kepada perjuangan PAS. Realiti sebenarnya adalah mungkin tidaklah sedemikian. Agama telah menjadi etos baru masyarakat kelas menengah Melayu, kehadiran ke surau tidak semestinya mereka pro kepada PAS. Individu tadi ada kalanya menerima dan bersimpati dengan perjuangan UMNO.

Kategori PSP merupakan kelompok pengundi yang besar bilangannya dan wujud merentasi batas kelas sosial dan kumpulan etnik. Mereka terdiri daripada ahli-ahli parti, aktivis parti dan individu yang bersimpati dengan perjuangan parti. Secara umumnya, kategori PSP tidak tinggi tahap literasi politiknya dan banyak bergantung kepada parti untuk mendapat sumber maklumat politik. Kepada PSP, imej parti adalah penting dalam menentukan corak pengundian mereka.

Kewujudan kategori pengundi yang berbeza berikutan perbezaan dalam aspek mobilisasi membolehkan pengundi dibezakan mengikut proses mobilisasi yang mereka lalui. Pengundi yang dimobilisasikan oleh literasi politik mempunyai sudut pandangan yang berbeza dengan pengundi yang dimobilisasikan oleh parti dan berbeza dalam kriteria membuat keputusan mengundi. Sehubungan dengan itu, parti-parti politik perlu mengakui perbezaan tersebut berlaku, walaupun dalam satu kumpulan etnik, dan agenda kempen perlu disesuaikan mengikut perbezaan dalam kategori pengundi.

Dinamik Masyarakat Malaysia

Shamsul A.B. (1999) mengenalpasti empat kerangka analisis atau pendekatan kajian terbentuk di Malaysia sebagai kesan daripada perkembangan ilmu penjajah (colonial knowledge) yang boleh diguna pakai dalam mengkaji masyarakat iaitu etnik, kelas, budaya dan identiti. Pendekatan etnik dikaitkan dengan pembentukan masyarakat majmuk oleh penjajah yang telah membuka peluang untuk orang Cina terlibat dalam perlombongan bijih timah dan perniagaan manakala buruh dari India pula dibawa untuk bekerja di ladang getah. Masyarakat majmuk akan membina dan menyuburkan ciri etnik kumpulan mereka untuk bersaing dalam mempertahankan kedudukan sosial dan kepentingan kebendaan mereka.

Ilmu penjajah juga telah melahirkan pendekatan kelas hasil daripada tradisi penentangan pergerakan anti-penjajah yang menggemblengkan dimensi kelas kapitalis-penjajah dengan buruh-dijajah. Pergerakan anti-penjajah ini bersifat radikal. Pergerakan ini juga sering kali dikaitkan dengan semangat nasionalisme dan ada yang berpegang pada ideologi sosialisme. Sementara itu, negara pasca penjajah pula melahirkan dua pendekatan dalam usaha membina negara bangsa iaitu budaya dan identiti.

Pembangunan negara bangsa dalam masyarakat majmuk di peringkat awal kemerdekaan sering berhadapan dengan beberapa bentuk 'bangsa idaman' (nation of intent) yang belum disepakati bersama terutama berkenaan isu bahasa, pendidikan, kebudayaan, dan identiti kebangsaan. Persaingan antara kumpulan etnik di dalam negara yang baru mendapat kemerdekaan ini terjadi atas kesedaran akan berlakunya penghapusan budaya oleh kumpulan yang memiliki kuasa politik ke atas kumpulan etnik minoriti yang kecil jumlahnya dan lemah kuasa. Dalam senario politik

pembentukan ‘bangsa idaman’, pendekatan budaya menjadi asas dalam mencorak hubungan etnik dalam negara tersebut. Pendekatan budaya ini juga telah melahirkan pendekatan identiti yang terbentuk di atas dasar ingin memastikan jati dan nilai diri individu dan kumpulan sosial mereka diperakui, subur, kekal, terbela dan bermaruah. Pendekatan identiti tidak tertakluk hanya kepada etnik semata-mata, kerana perkara itu juga melibatkan identiti gender dan kumpulan minoriti khusus.

Shamsul A.B. (1999) merumuskan keempat-empat kerangka analisis yang dibentuk oleh ilmu kolonial dan diteruskan oleh sarjana era pasca penjajah itu tidak semestinya kekal. Masyarakat Malaysia akan sentiasa berhadapan dengan pelbagai pendekatan lain yang akan diguna pakai untuk memahami kedinamikan baru masyarakat Malaysia yang semakin kompleks. Kesan dari pemodenan, pembangunan dan perubahan sosial yang dilalui telah membuka ruang sosial baru dan transformasi ini telah melahirkan alternatif kepada pendekatan ‘etno budaya’ rekaan ilmu penjajah yang sedia ada. Perubahan dalam pendekatan yang diguna pakai untuk memahami dinamik masyarakat Malaysia itu sendiri telah menandakan transformasi yang dialami oleh masyarakat.

Mutakhir ini pendekatan baru yang dicadangkan ialah kerencaman sosial yang menerusi kajiannya mendapati batas etnik semakin menipis dan masyarakat terpecah kepada kelompok-kelompok sosial baru yang dicirikan oleh pilihan sosial dan bukan lagi semata-mata berdasarkan pilihan etnik dalam membuat keputusan (Mansor Mohd Noor, 2012: 39-56). Masyarakat kini tidak lagi boleh dilihat dalam konteks ‘*homogenous*’, dalam dikotomi ‘hitam/putih’. Dengan kerencaman sosial yang berlaku di kalangan individu dan kumpulan etnik di Malaysia, kategori hubungan sosial dan

etnik juga didapati wujud dalam pelbagai bentuk dan dipengaruhi oleh pelbagai pengaruh sosiologikal.

Mengikut Mansor (2012), kerencaman kategori hubungan sosial dan etnik dapat dibahagikan kepada lima kategori perhubungan dalam masyarakat. Pertama, majoriti rakyat yang masih bermain dengan corak tingkah laku berdasarkan ciri kumpulan etnik dalam kehidupan harian. Kategori kedua, individu yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik yang memiliki budaya hidup komersial. Ketiga, kumpulan yang masih memanipulasi etnik yang berselindung dibalik wacana etnik dan keetnikan demi menjadikan agenda kebendaan dan status sosial mereka sendiri. Dan keempat, kumpulan yang masih mencari identiti bangsa dan negara bangsa yang diinginkan (Mansor Mohd Noor, 2012: 52-56).

Penemuan kajian ini mendokong wacana kerencaman sosial yang dianjurkan oleh Mansor (2012). Komuniti Melayu di kawasan parlimen campuran yang rata-rata bersifat urban, tidak lagi boleh lihat secara seragam atau '*homogenous*'. Sebaliknya, berikutan tahap literasi politik yang berbeza, perbezaan dalam tahap mobilisasi institusi, perbezaan kelas sosial dan pilihan sosial telah menjadikan komuniti ini bersifat rencam (*diversity*). Kerencaman tersebut dapat dilihat menerusi kategori atau kelompok pengundi seperti dibincangkan pada di awal bab ini.

Hasil kajian ini juga mendapati bahawa penganalisaan terhadap perilaku pengundi perlu mempertimbangkan dari kepelbagaian elemen untuk mengukur peralihan corak pengundian dengan lebih jelas. Antara pendekatan yang biasanya digunakan sebelum ini untuk melihat pola pengundian adalah berdasarkan kepada kelas sosial, etnisiti dan identifikasi parti semata-mata. Memandangkan elemen-elemen

berkenaan adalah saling berkait antara satu sama, maka sesuatu kajian berkaitan dengan perubahan pola pengundian perlu mempertimbang pendekatan yang menggabungkan elemen-elemen berkenaan. Begitu juga mana-mana kajian terhadap masyarakat juga tidak boleh dilakukan secara terasing dan terpisah daripada lingkungan sosial di mana ianya berada. Dengan mengambil kira keadaan masyarakat dan kepelbagaian elemen yang diperlukan untuk menganalisis peralihan perilaku pengundi di dalam sesuatu pilihan raya, pendekatan literasi politik seperti yang digunakan dalam kajian ini didapati antara yang memenuhi kriteria keperluan analisis dan mampu memberi penjelasan yang lebih menyeluruh terhadap elemen yang dikaji.

Pendekatan literasi politik berupaya untuk memperincikan asas kepada pembuatan keputusan untuk mengundi dan menjelaskan proses yang berlaku sebelum hari pengundian. Seterusnya, pendekatan identifikasi parti memberi tumpuan terhadap dua asas utama pengundian, iaitu memilih 'parti' atau 'calon'. Tetapi bagi pendekatan literasi politik asas pembuatan keputusan mengundi bukan terhadap kepada 'parti' atau 'calon' sahaja, sebaliknya diperluaskan dengan menambah dua lagi elemen utama iaitu matlamat politik (polisi) dan isu-isu utama.

Dengan menggunakan pendekatan literasi politik, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penentu pengundian kepada kelompok PAB dan TMP adalah matlamat politik (polisi) dan isu spesifik dan bukannya parti atau calon sepertimana dikemukakan oleh sarjana-sarjana yang mengkaji perilaku politik Malaysia sebelum ini. Keputusan PRU 2008 menunjukkan sebahagian besar kemenangan sesebuah parti di kawasan bandar adalah ditentukan oleh kelompok PAB. Oleh itu, parti-parti politik yang ingin memenangi PRU akan datang perlu memberi keutamaan terhadap aspek

mempertingkatkan urus tadbir, melakukan pembaharuan dalam aspek kualiti hidup disamping faktor imej kepimpinan parti dan calon yang berkebolehan.

Cadangan Penyelidikan Lanjut

Kerencaman sosial mengubah banyak aspek dalam kehidupan bernegara. Pelbagai kelompok dan kumpulan baru muncul dengan pelbagai pengaruh untuk mengetengahkan kepentingan dan nilai masing-masing. Penelitian terhadap aspek literasi politik, khususnya dari dimensi idea perlu dilakukan dengan lebih banyak. Sebagai contoh, apabila kumpulan BERSIH menganjurkan demonstrasi dengan hasrat mengumpul sejuta orang pada 12 Januari 2013 di Stadium Merdeka, pihak penganjur gagal menarik jumlah penyertaan seperti yang dihasratkan. Ini adalah kerana, apa yang dilakukan oleh kumpulan BERSIH ialah sekadar mempertikaikan perjalanan pengurusan sebuah institusi, iaitu SPR. Masyarakat Malaysia telah bergerak jauh ke hadapan dan tidak lagi terperangkap dengan wacana yang hanya memfokuskan kepada institusi.

Seterusnya, hubungan antara literasi politik dengan perubahan dalam proses penyertaan politik juga kaitannya dengan perubahan dalam identiti, khususnya dalam masyarakat pelbagai etnik merupakan salah satu aspek yang memerlukan kajian lebih mendalam. Kajian ini dan juga kajian-kajian sebelumnya menunjukkan bahawa proses pembangunan mengubah identiti dan perilaku masyarakat. Apakah bentuk indentiti dan proses politik yang kelihatan semakin ketara dan berbeza dengan dekad sebelumnya dalam masyarakat yang bersifat multi etnik seperti di Malaysia merupakan aspek yang memerlukan kajian terperinci pada akan datang.